



5 Disember 2023
5 December 2023
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN
(PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN)
(PINDAAN) 2023

*FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED
ADDITIVE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(g) Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) (Pindaan) 2023**.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012 [*P.U. (A) 312/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan subperaturan 6(3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan, kekal sah dari tarikh sijil itu dikeluarkan hingga 31 Disember dalam tahun kalendar yang sama.”.

Pindaan peraturan 7

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan 7(2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun.”.

Peralihan

4. (1) Mana-mana kelulusan untuk permohonan bagi pendaftaran di bawah Peraturan-Peraturan ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan telah diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebagaimana yang dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus sah sehingga dibatalkan atau tamat tempoh.

(2) Apa-apa permohonan bagi pendaftaran yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ibu yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ibu sebagaimana yang dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 6 September 2023
[KP/LA/483/20 Jld.3; PN(PU2)702/IV]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 53(2)(g) of the Feed Act 2009 [Act 698], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) (Amendment) Regulations 2023**.

Amendment of regulation 6

2. The Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012 [P.U. (A) 312/2012], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for subregulation 6(3) the following subregulation:

“(3) The certificate of registration issued under this regulation shall, unless revoked, remain valid from the date the certificate was issued until 31 December of the same calendar year.”.

Amendment of regulation 7

3. The principal Regulations are amended by substituting for subregulation 7(2) the following subregulation:

“(2) The application made under subregulation (1) shall be made on or before 1 December each year.”.

Transitional

4. (1) Any approval for application for registration under the principal Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be deemed

to have been approved under the principal Regulations as amended by these Regulations and shall continue to be valid until revoked or expired.

(2) Any application for registration made under the principal Regulations which is pending before the date of coming into operation of these Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be dealt with in accordance with the provision of the principal Regulations as amended by these Regulations.

Made 6 September 2023
[KP/LA/483/20 Jld.3; PN(PU2)702/IV]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Minister of Agriculture and Food Security